

SULIT

1103/1



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos 2011

$2\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi

Disediakan oleh: AKRAM NEGERI TERENGGANU Dengan Kerjasama: MPSM NEGERI TERENGGANU Dibiayai oleh: KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1103/1


[Lihat sebelah]
SULIT

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah melancong. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kejayaan seseorang bermula daripada impian dan cita-cita. Sebagai remaja yang berwawasan, jelaskan usaha-usaha yang anda lakukan dalam memastikan impian tersebut menjadi kenyataan.
2. Pelbagai masalah yang timbul dalam keluarga seperti masalah kewangan, masalah anak-anak dan masalah yang melibatkan ibu bapa itu sendiri. Keadaan ini menimbulkan tekanan atau stres kepada setiap ahli keluarga.

Huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh setiap ahli keluarga dalam menghadapi tekanan atau stres ke arah melahirkan keluarga yang bahagia.

3. Kebersihan tempat awam dan kawasan sekitar kerap kali menimbulkan masalah dan rasa tidak puas hati pelbagai pihak.

Bincangkan peranan pelbagai pihak dalam menangani masalah tersebut.

4. Perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Produk Halal Malaysia dapat membantu menjanakan pendapatan rakyat serta memasarkan industri tersebut ke peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis rencana tentang faedah-faedah yang diperolehi daripada usaha-usaha kerajaan dan pihak swasta dalam memajukan industri tersebut.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

5. Peribahasa Bersatu Teguh, Bercerai Roboh dan Muafakat Membawa Berkat merupakan peribahasa yang menuntut kita agar hidup bersatu padu.

Huraikan kepentingan perpaduan kaum khususnya dalam konteks masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

KERTAS SOALAN TAMAT